

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT KEDUA, TAHUN KEEMPAT DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI ISNIN, 13 DISEMBER 2021

1. YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU (CHENDERIANG)

Pelan Perak Sejahtera 2030

Kerajaan Negeri telah melancarkan Pelan Perak Sejahtera 2030 pada 29 Mac 2021 bagi menjadi pemandu arah jentera kerajaan dalam pembangunan negeri untuk tempoh 10 tahun akan datang.

- (i) Apakah status semasa pembangunan pelan tersebut?
- (ii) Apakah sasaran pencapaian pelan tersebut dari aspek Keluaran Dalam Negeri Kasar sebagai pengukur utama perkembangan ekonomi negeri?

2. YB ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM (SUNGKAI)

Kehilangan pekerjaan akibat penularan Covid-19 pada tahun 2020 dan 2021.

Soalan.

- (i) Jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat Covid-19 di seluruh negara dianggarkan sebanyak 800,000.00. Berapa ramaikah anak Perak di Negeri Perak yang telah kehilangan kerja dan apakah tindakan kerajaan dalam menangani masalah ini?

3. YB ENCIK YONG CHOO KIONG (TRONOH)

Penggunaan rangkaian internet telah meningkat kepada 91.7% pada hujung tahun 2020 bagi perkhidmatan berkaitan e-pembelajaran, e-kesihatan, e-kerajaan dan e-dagang impak dari pandemic covid-19.

Ini jelas menunjukkan patern kehidupan harian telah berubah kepada norma baru.

- (i) Merujuk kepada patern kehidupan baru ini, apakah langkah kerajaan dalam membaiki atau menaik taraf sistem jaringan internet di negeri ini terutama di DUN Tronoh yang liputannya kurang memuaskan terutama di Kampung Baru Bemban, Kampung Baru Nalla dan Kampung Baru Bali

4. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED (TEMENGOR)

Sila nyatakan statistik terkini keganasan terhadap wanita di negeri Perak termasuk keganasan rumah tangga, jenayah seksual, gangguan seksual, bilangan mangsa yang mendapatkan perlindungan di rumah perlindungan serta tindakan kerajaan negeri bagi memastikan perlindungan berterusan kepada wanita kesan pandemik COVID-19

5. YB DR. KO CHUNG SEN (KEPAYANG)

Daripada Kepayang

Tajuk: Pakej rangsangan bagi industri pelancongan dalam negeri

- (a) Adakah kerajaan negeri telah menyediakan pakej rangsangan industri pelancongan negeri dalam masa terdekat bagi menarik lebih ramai pelancong ke dalam negeri?
- (b) Berapakah jumlah pembelanjaan diperuntukan untuk rancangan tersebut? Sila nyatakan.
- (c) Adakah kerajaan akan menawarkan pinjaman wang kepada pengusaha-pengusaha industri pelancongan yang terjejas dalam pandemik covid 19?

6. YB ENCIK LOH SZE YEE (JALONG)

Apakah tindakan dan perancangan kerajaan dalam memelihara alam sekitar terutamanya dalam pelepasan karbon? Apakah perancangan kerajaan dalam penggunaan kenderaan elektrik dan sebagainya?

7. YB DATUK HAJI KHAIRUDDIN BIN TARMIZI (HUTAN MELINTANG)

SOALAN 1: -

PROGRAM BAIKPULIH RUMAH WARGA DHAIF

- (a) Adakah pihak Kerajaan Negeri Perak mempunyai program khusus baikpulih rumah Kediaman warga dhaif?
- (b) Berapa kos maksimum baikpulih satu unit rumah?
- (c) Apakah kriteria kelayakan bagi penerima bantuan baikpulih rumah tersebut?

8. YB DATO' HAJI ASMUNI AWI (MANJOI)

Negeri Perak mempunyai ramai penduduk dari kalangan orang asli. Jumlah penduduk orang asli di negeri ini berjumlah hampir 60,000 orang dan ini merupakan bilangan orang asli yang kedua tertinggi di Malaysia selepas Negeri Pahang. Setiap kaum orang asli ini pula mempunyai budaya dan kehidupan tersendiri. Kepelbagaiannya cara hidup dan budaya mereka ini boleh dipromosikan melalui satu pusat kebudayaan untuk tarikan pelancungan dan membantu menjana aktiviti ekonomi mereka.

Berkaitan dengan perkara ini, adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan satu perkampungan budaya orang asli bagi membolehkan kepelbagaiannya kebudayaan mereka ini dapat dipromosikan sebagai tarikan pelancungan? Jika ada, sila nyatakan perancangan ini secara spesifik

**9. YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU
(PASIR BEDAMAR)**

Apakah status rancangan tebatan banjir fasa 2 di Teluk Intan?

- (i) Sila nyatakan keadaan ban-ban yang terdapat di teluk intan dan status baikpulih mengikut kategori kritikal yang perlu dibaikpulih segera, baik pulih sementara dan dalam keadaan baik.
- (ii) Berapakah jumlah peruntukan bagi membaik pulih ban untuk setiap kawasan yang terlibat?

**10. YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM
(TITI SERONG)**

Pesawah padi di daerah Kerian mengalami kerugian teruk apabila kenaikan kos racun berlarutan sejak Mac lalu. Mereka menyatakan kegusaran apabila tiada hasil pulangan yang diperolehi apabila terpaksa menanggung kos racun yang mahal.

- (i) Nyatakan peratus kenaikan kos racun di Perak sejak tahun 2020 sehingga kini.
- (ii) Apakah inisiatif pihak kerajaan negeri dalam memastikan golongan pesawah kembali menikmati hasil tanaman padi tanpa perlu membayar kos racun yang tinggi?

**11. YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN
(BUNTONG)**

Penurapan Semula Jalan Sungai Pari, Buntong, Ipoh.

- (a) Sila nyatakan bilakah kali terakhir Jalan Sungai Pari diturap semula?
- (b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk menurap semula Jalan Sungai Pari memandangkan keadaan jalan sekarang amat mendukacitakan?
- (c) Sila nyatakan bilakan Kerajaan akan menjalankan kerja-kerja menurap semula jalan berkenaan?

12. YB ENCIK TEOH YEE CHERN (ASTAKA)

Negeri Perak merupakan satu negeri yang mempunyai paling banyak kampung baru cina. Semua penduduk-penduduk di kampung-kampung baru cina telah tinggal di situ secara turun-temurun.

- (a) Premium tanah di kampung-kampung cina adalah terlalu tinggi di dalam negeri Perak. Adakah kerajaan negeri bersedia untuk mengurangkan premium tanah kampung-kampung baru cina di negeri Perak semasa penduduk-penduduk di situ memperbaharui lesen pendudukan sementara di situ?
- (b) Sila nyatakan cara mengira premium tanah kampung-kampung baru cina dalam negeri Perak

13. YB DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR (CHENDEROH)

Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan serta peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pemuliharaan tebing yang telah rebak/berisiko rebak di sepanjang Sungai Perak yang memberi kesan kepada kediaman atas tanah milik serta kebun-kebun penduduk terutama dalam kawasan DUN Chenderoh?

14. YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM (PENGKALAN HULU)

- (a) Apakah perancangan kerajaan Negeri bagi membantu pekebun-pekebun durian yang ada di dalam negeri Perak khususnya di Pengkalan Hulu yang telah melebihi kawasan tanaman seluas 5000 ekar bagi memastikan hasil pendapatan mereka tidak terjejas akibat lambakan yang mengakibatkan kejatuhan harga ?
- (b) Adakah kerajaan Negeri berhasrat membantu pekebun-pekebun durian ini melalui GLC-GLC Kerajaan Negeri untuk menstabilkan harga buah-buah durian yang ada di dalam kawasan Hulu Perak serta membina kilang untuk memproses hasil buah durian?

15. YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI (BEHRANG)

Kerjasama UTP dan UPSI dengan Kerajaan Negeri Perak

1. Senaraikan kerjasama dan program perkongsian bijak antara Universiti Teknologi Petronas, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Sultan Azlan Shah dalam usaha memaksimakan faedah kebijaksanaan yang dimiliki oleh institusi-institusi pengajian tinggi yang wujud dalam negeri Perak tersebut yang memberi faedah secara langsung kepada rakyat Negeri Perak. Selain daripada peluang-peluang melanjutkan pelajaran di sana.
2. Nyatakan secara spesifik jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Perak yang pernah menerima manfaat kajian dan cadangan daripada institusi tersebut.
3. Jika masih tiada, apakah perancangan masa hadapan yang akan dilakukan oleh pihak Institut Darul Ridzuan

16. YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN (SUNGAI RAPAT)

Sistem perparitan di sekitar ipoh ini sangat bermasalah termasuk di kawasan dun sg rapat. Kekerapan penyelenggaraan juga amat tidak memuaskan. Bagaimana pihak kerajaan akan menangani masalah ini kerana didapati masalah banjir kilat ini semakin berlarutan dan berlaku setiap tahun?

17. YB DATO' HJ. SAMSUDIN BIN ABU HASSAN (AYER KUNING)

YAB Menteri Besar, pembangunan Koridor utara meliputi Pembangunan selatan Perak iaitu Daerah Batang Padang, Tanjung Malim dan Hilir Perak, soalan saya,

- (a) Apakah jenis Projek pembangunan khususnya di Daerah Batang Padang,
- (b) Apakah cadangan kawasan zon industri yang akan dibangunkan di daerah Batang Padang khususnya